

17 NOV, 2022

UMS wujud empat kluster penyelidikan

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 1 of 2

UMS wujud empat kluster penyelidikan

Untuk mendepani cabaran IR4.0 dan perubahan geopolitik serantau

KOTA KINABALU: Bagi mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan perubahan geopolitik serantau, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah memperkukuhkan ekosistem penyelidikan dengan mewujudkan empat kluster penyelidikan.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr Kasim Mansor berkata empat kluster tersebut adalah kluster Sains Hayat atau Biologi, Sains Fizikal, Sains Sosial dan Sains Perubatan, dengan setiap kluster mempunyai institut dan pusat yang berkeupayaan untuk mengeluarkan hasil penyelidikan yang bermutu.

“Perwujudan kluster ini menyediakan mekanisme yang fleksibel, membolehkan penyelidikan rentas sempadan dalaman dan luaran institut.

“Bagi menyokong kluster-kluster ini, UMS setakat ini mempunyai 6 pusat penyelidikan dan 7 unit penyelidikan yang telah dibangunkan bagi merencanakan lagi aktiviti penyelidikan dan inovasi UMS,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Anugerah Penyelidik UMS (APUMS) Tahun 2021 di Sabah International Convention Centre (SICC) malam kelmarin.

Menurut Kasim, UMS juga telah membangunkan makmal hidup atau “living lab” untuk penyelidikan berteraskan komuniti.

“Ini termasuklah bidang sosioekonomi luar bandar, teknologi berinovasi, kesihatan, dan pendidikan, dengan kesemua bidang ini diberi tumpuan untuk membawa ke arah inisiatif komuniti berinovasi, selaras dengan era revolusi IR4.0 kini,” katanya.

Dalam pada itu, Kasim berkata majlis APUMS 2021 adalah manifestasi pengurusan universiti dalam memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada kakitangan akademik yang telah menjalankan penyelidikan berkualiti dan mengharumkan nama universiti di persada kebangsaan dan antarabangsa.



ALBUM: Penerima anugerah merakamkan gambar bersama Tun Juhar sempena majlis itu.

“Diharapkan penganjuran majlis gilang-gemilang ini mampu menjadi pencetus semangat dan galakan daripada pihak universiti agar kakitangan akademik lebih berusaha dalam meningkatkan kecermerlangan universiti dalam penyelidikan, penerbitan, dan inovasi,” katanya.

Pada majlis tersebut, Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar Mahiruddin telah berkenan menyampaikan anugerah kepada penerima.

Antara anugerah yang disampaikan adalah Penghargaan Bagi 4 Sitasi Tertinggi Dalam Penerbitan Jurnal Berindeks Scopus 2021 Kategori Sains dan Sains Sosial, serta Penghargaan Skor MYRA Tertinggi 2021 bagi Empat Bintang dan Lima Bintang kepada Fakulti dan Institut.

Penyelidik dari Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan, Prof. Madya Dr. Patricia Clementina Matanjun dinobatkan sebagai penerima Anugerah Penyelidik 2021, manakala Kasim turut diiktiraf sebagai penerima Anugerah Khas Tun Canselor UMS 2021.

Hadir sama isteri Yang Dipertua Negeri, Toh Puan Datuk Seri Panglima (Dr.) Hajah Norlidah Tan Sri Datuk R.M Jasni, ahli-ahli lembaga pengarah UMS serta pegawai utama dan kanan UMS.



TAHNAH: Tun Juhar menyampaikan Anugerah Penyelidik 2021 kepada Prof. Madya Dr. Patricia Clementina Matanjun.



TERBAIK: Kasim turut menerima pengiktirafan sebagai penerima Anugerah Khas Tun Canselor UMS 2021.



17 NOV, 2022

UMS wujud empat kluster penyelidikan

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Untuk mendepani cabaran IR4.0 dan perubahan geopolitik serantau

KOTA KINABALU: Bagi mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan perubahan geopolitik serantau, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah m e m p e r k u k u h k a n ekos i s t e m penyelidikan dengan mewujudkan empat kluster penyelidikan.